



MAJLIS DAERAH KAMPAR
JALAN ISKANDAR,
31900 KAMPAR
PERAK DARUL RIDZUAN

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 221003 samada bertaraf bumiputera atau bukan bumiputera yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, mempunyai pengalaman, keupayaan kewangan dan peralatan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:-

BIL	SEBUT HARGA KONTRAK PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PEMUNGUTAN SAMPAH DAN PENGANGKUTAN SAMPAH LUAR KAWASAN OPERASI MAJLIS DAERAH KAMPAR BAGI TEMPOH 10 BULAN :-	RUJUKAN SEBUT HARGA
1	10 Kampung Luar Kawasan Operasi Majlis Daerah Kampar	MDKpr/SH/P/11-2021

- Dokumen tawaran boleh disemak dan dibeli secara tunai di Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Kampar mulai jam **12.00 tengahari** pada **23 Februari 2021** sehingga **2 Mac 2021** mengikut waktu pejabat. Harga senaskah dokumen ialah **RM50.00** untuk setiap zon dan perlu di bayar di kaunter bayaran Majlis Daerah Kampar. Dokumen tawaran tidak akan dijual atau dikeluarkan selepas tempoh yang tersebut di atas.
- Satu taklimat dan lawatan tapak akan diadakan pada tarikh **23 Februari 2021 jam 10.00 pagi di Dewan Auditorium, Majlis Daerah Kampar**. Kehadiran taklimat adalah **diwajibkan** bagi kontraktor yang ingin memasuki sebutharga ini (wakil tidak dibenarkan). Dokumen tawaran hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor **yang hadir** pada sesi taklimat tersebut sahaja. Sila bawa **Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan mengikut kod bidang** yang dinyatakan dan **salinan fotostat semasa pendaftaran taklimat dan pembelian dokumen sebut harga**.
- Dokumen yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat yang berlakri / bermeterai**. Nombor rujukan tawaran hendaklah dinyatakan di muka depan sampul surat serta dialamatkan kepada **Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar** dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di **Majlis Daerah Kampar, Jalan Iskandar, 31900 Kampar, Perak pada atau sebelum jam 12.00 tengahari pada 2 Mac 2021**. Dokumen tawaran yang diterima selepas masa yang ditetapkan atau yang tidak lengkap akan ditolak. Bayaran dokumen tidak akan dikembalikan.
- Majlis Daerah Kampar tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.


Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kampar,
Jalan Iskandar,
31900 Kampar,
PERAK DARUL RIDZUAN